

07/04/2001

KWSP: Majikan bantah syor MTUC

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) membantah saranan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan memperkenalkan alternatif kepada dua peratus sumbangan pencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan, dalam satu kenyataan hari ini, berkata cadangan MTUC supaya Elaun Bantuan Khas (SRA) atau Elaun Kos Sara Hidup (COLA) diberi kepada pekerja, bukan alternatif yang sesuai.

"COLA atau SRA diperkenalkan pada 1970 berikutan peningkatan kos sara hidup, tetapi kemudian kebanyakan syarikat dan sektor swasta menggabungkannya dengan gaji bulanan pekerja.

"Justeru, permintaan MTUC ini ternyata tidak wajar dan keinginan mereka memperkenalkannya semula sudah tentu menambah kos operasi dan pengeluaran majikan, sekali gus menjejaskan daya saing syarikat.

"MTUC perlu sedar sebarang permohonan peningkatan gaji atau elaun ini boleh dibuat ketika perjanjian bersama dirunding semula setiap tiga tahun sekali antara majikan dan wakil pekerja," katanya.

Baru-baru ini, Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak, berkata pengenalan satu daripada elaun itu dapat menambah lagi kuasa membeli pekerja dan secara tidak langsung, merancakkan kegiatan ekonomi.

Katanya, elaun yang dirangka mengikut kawasan itu akan membolehkan pekerja hidup selesa dengan pendapatan bertambah dan memberikan mutu kehidupan yang lebih baik kepada mereka dan keluarga.

Sebaliknya, Shamsuddin menjelaskan majikan juga perlu meningkatkan daya saing seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi menghadapi cabaran dalam ekonomi dunia tanpa sempadan.

(END)